

Al-Qur'ān al-Karīm Pusat Kebudayaan Dunia

Mengapa Wajib Kita Berhukum Menurut Kitab Allah?

“...seseorang Muslim tidak dinamai Muslim jikalau dia belum tercelup dengan celupan Islam, sehingga dia memberi corak kepada dirinya, keluarganya, amal perbuatannya, dan segala apa yang terlingkung dalam diri dan kehidupannya: Dengan Islam yang sebenar-benarnya.” Demikian kesimpulan yang diberikan oleh penulis makalah ini.

Mengapa kita wajib berhukum menurut kitab Allah?

Bagi menjawab pertanyaan ini sebenarnya tidak begitu sukar, jikalau orang sudah mengerti. Di dalam *al-Qur'ān al-Karīm* dengan jelas diterangkan (maksudnya):

“Turutlah apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu turut selain daripada-Nya sebagai pemimpin.” (al-A‘rāf, 3).

Kalau kita perhatikan ajaran-ajaran Tuhan kepada manusia, bahawa ia telah menunjukkan kepada kita, bahawa sebenarnya yang “hak” itu hanya satu sahaja, tiada duanya. Kalau kita perhatikan keadaan di dunia ini, hanya berada di antara yang hak dan yang batil (di antara yang benar dengan yang salah).

Islam ialah agama yang membawa kebenaran dan pertunjuk:

“Dialah (Allah ‘azza wa jalla) yang telah mengutus Pesuruh-Nya dengan pertunjuk dan agama yang benar.” (Maksud ayat 3, Surah al-Tawbah).

Hanya orang-orang yang benar yang menyambut kebenaran dan

merekalah yang mengikut pertunjuk. Sebaliknya orang-orang yang menentang kebenaran dan enggan menurut pertunjuk Tuhan, maka merekalah pula yang sesat dan menurut hawa nafsu:

“Jikalau mereka tidak mahu menyambut apa yang kami sampaikan kepadamu (wahai Muḥammad), ketahuilah kerana mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka, dan siapakah yang lebih sesat daripada orang yang mengikut hawa nafsunya, dengan tidak mendapat pertunjuk daripada Allah?” (Maksud ayat 50, surah al-Qaṣaṣ).

Undang-undang Allah dan Undang-undang Manusia

Apa yang telah diturunkan oleh Allah ‘azza wa jalla kepada rasul-Nya adalah menjadi hukum dan syariat kepada kita. Kita diwajibkan menurutnya dan jangan sampai melanggar batas-batasnya yang telah ditentukan. Sebaliknya kita dilarang menurut hukum buatan manusia dan undang-undang yang bertentangan dengan hukum dan undang-undang yang telah diturunkan oleh Allah ‘azza wa jalla.

Apakah syariat itu?

Syariat yang telah diturunkan oleh Allah kepada rasul-Nya, dan yang diwajibkan kita menurut dan mengerjakannya, ialah yang tertulisan di dalam kitab Allah, *al-Qur'ān al-Karīm*, yang selalu dibaca oleh umat Islam pagi dan petang.

“Apakah kitab itu? Itulah dia kitab yang diberi berfasal-fasal ayatnya, itulah dia Quran yang berbahasa Arab bagi kaum yang mengetahui.” (Maksud ayat 3, surah *al-Fuṣṣilat*).

Telah sedia maklum sebagaimana yang telah diterangkan di dalam *al-Qur'ān*, bahawa hukum di negara-negara Islam, wajiblah yang bersesuaian dengan syariat Islam. Kerana kalau kita mengaku mengikut agama Allah, wajiblah pula kita berhukum menurut apa yang diturunkan oleh Allah.

“Adalah manusia umat yang satu, maka Tuhan mengutus Nabī-Nabī menyampaikan berita yang menyukakan (dengan balasan baik) dan mendukakan (dengan balasan buruk). Bersama-sama mereka (Nabī-Nabī itu) diturunkan-Nya pula kitab dengan keterangan yang benar, supaya dijadikan hukum (undang-undang) di antara sekalian manusia apabila mereka berselisihan di dalam sesuatu perkara.” (Maksud ayat 213, surah *al-Baqarah*).

Inilah nas yang *qaṭ'ī* (kata pemutus yang tidak akan dapat dibantah lagi), yang menerangkan bahawa *al-Qur'ān* yang diturunkan oleh Allah *'azza wa jalla* dengan perantaraan Nabī-Nya Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam*, supaya manusia menjadikannya undang-undang dasar dalam kehidupan mereka dan hukum yang tertinggi sekali, yang mesti dijalankan dan diturut.

Di dalam *al-Qur'ān* dijelaskan lagi:

“Sesungguhnya Kami (Allah) turunkan kepadamu (wahai Muḥammad) akan kitab (*al-Qur'ān*) dengan kebenaran, supaya engkau jalankan hukumnya kepada manusia menurut pertunjuk yang telah diberikan oleh Allah kepadamu.” (Maksud ayat 105, surah *al-Nisā'*).

Lemparkanlah hukum jahiliah

Selain daripada hukum atau undang-undang yang telah diturunkan Allah, maka yang lainnya ialah hukum atau undang-undang jahiliah namanya.

“Adakah hukum jahiliah yang mereka kehendaki (yang mereka masih suka dan mempertahankannya)? Dan siapakah lagi yang lebih baik hukumnya daripada hukum Allah (yang telah

BUKU2 RUMI

*Pendidikan	\$1.20
*Akhlahk	1.20
*Surat Menyurat	1.50
*Jalan ka-Kota Baharu	1.50
Penglipor	1.50
Panduan Pokedai2 Kechil	0.70
Balek Dari Medan Perjuangan	1.00
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang	2.00
Keris Sempena Riau	1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer	1.50
Sisa Neraka Dunia	1.00
Buku A.BC. (buku bacaan) di-dalam-nya tiga warna (sedang di-chitak).	
*Kalau memesan hendak-lah sebutkan naskhah Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya.	

diberikannya dan diperintahkan menjalankannya) kepada kaum yang berkeyakinan?” (Maksud ayat 50, surah al-Mā'idah).

Dari sini dapat pula kita mengambil kesimpulan, bahawa Tuhan melarang berhukum (memakai undang-undang) dengan apa yang tidak diturunkan oleh Allah *'azza wa jalla*, sehingga ditegaskan: Barangsiapa yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan Allah, mereka itu termasuk orang yang fasik, zalim dan kafir.

“Barangsiapa yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, merekalah orang-orang yang kafir.” (Maksud ayat 44, surah al-Mā'idah).

“Barangsiapa yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, merekalah orang-orang yang zalim.” (Maksud ayat 45, surah al-Mā'idah).

“Barangsiapa yang tidak berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, merekalah orang-orang yang fasik.” (Maksud ayat 47, surah al-Mā'idah).

Dasar Agama Islam dalam Hukumnya

Sebagaimana yang dijelaskan di atas, nyatalah bahawa agama Islam itu ialah hukum, hukum yang wajib berlaku dan mesti dijalankan. Itulah sebabnya maka tiap-tiap orang Islam mestilah mengerti akan dasar hukum agamanya dan kedudukan syariatnya, sehingga mereka mengetahui betul-betul akan hakikat agama Islam itu. Jangan sampai mereka menjadi hanya ikutan-ikutan kepada dasar pendidikan yang telah ditanamkan sekian lama oleh kaum penjajah untuk memisahkan golongan terpelajar Islam dengan rakyat dan bangsanya. Bahkan sudah ada –

dari kalangan mereka – yang mengatakan: Agama mestilah dipisahkan dari politik negara.

Sebenarnya mereka buta agama. Mereka hanya mengetahui kulit agama dari propaganda kosong orang-orang Barat – musuh Islam. Pengetahuan mereka tentang agama Islam hanya dari buku-buku buatan orang-orang yang menyangkal kebenaran Islam. Mereka bukan mengetahui agama itu dari puncunya yang asli. Mereka hanya pandai melemparkan kata-kata: “kolot”, “taksub”, “fanatik” dan sebagainya kepada orang-orang Islam yang berpegang kukuh kepada agamanya.

Islam ialah Kepercayaan dan Peraturan Hidup

Islam bukan hanya semata-mata kepercayaan tetapi juga kepercayaan dan peraturan yang meliputi peri

Kitab-kitab mengenai sembahyang	
1. Sembahyang Rasulullah (ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam)	\$3.00
tambah belanja <i>post</i> 20 sen.	
2. Pelajaran Sembahyang (Allahu Akbar)	\$1.20
3. Pelajaran Sembahyang (Allahu Akbar)	
Mengenai: Imam, makmum, masbūq dan lain-lainnya.	
4. Mari Sembahyang (buat lelaki)	\$1.20
Dari 2, 3, 4 dan 5 pesanan hendaklah	
5. „ „ (buat perempuan)	\$1.20
tambah belanja <i>post</i> 10 sen tiap-tiap naskhah.	
Inilah di antara buku-buku pelajaran agama yang mudah sekali dipelajari.	

kehidupan manusia, samada yang mengenai kehidupan mereka di dunia, ataupun kehidupan mereka di akhirat kelak, yang memang menjadi tujuan hidup manusia untuk kebahagiaannya.

Islam ialah peraturan yang telah ditetapkan kepada tiap-tiap seorang Muslim di dalam segala gerak gerinya, duduk diamnya, cara berfikirnya, segala amal dan niatnya, perkataan dan perbuatannya, segala yang dirahsiakan dan dizahirkannya, makan dan minumannya, tidur baringnya, berpakaian dan cara berhiasnya, cara berjual belinya, cara berusaha dan bergaulnya, cara bermasyarakat dan bernegara, dan seterusnya dalam segala lapangan hidup.

Pendeknya Islam ialah “*ṣibghah*” atau “celupan” yang mencelup (yang mencorak dan mewarnakan) umatnya yang mukmin.

Demikianlah hakikatnya. Sehingga seseorang Muslim tidak dinamai Muslim jikalau dia belum tercelup dengan celupan Islam, sehingga dia memberi corak kepada dirinya, keluarganya, amal perbuatannya, dan segala apa yang terlingkung dalam diri dan kehidupannya dengan corak Islam yang sebenar-benarnya.

Inilah dia ajaran Islam yang sebenar-benarnya.

“Barangsiapa mencari agama selain daripada agama Islam, maka tidak sekali-kali akan diterima daripadanya dan ia di akhirat kelak: Rugi serugi-ruginya.” (Maksud ayat 85, surah Āli ‘Imrān).

Inilah dia Islam yang lengkap sempurna dan diredai oleh Allah *Rabb al-‘ālamīn*.

“Hari ini telah Kusempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku cukupkan bagi kamu nikmat-Ku,

dan redalah Aku Islam itu menjadi agama kamu.”

(Maksud ayat 3, surah al-Mā’idah).

Demikianlah pati huraian *Faḍīlah al-Ustādh* Muhammad

Arshad Talib Lubis.

Bacalah!

Sudah terbit!

Buku-buku Syuhada Islam

Disusun oleh

‘Idrūs

1. Ḥamzah ibn ‘Abd al-Muṭalib	50 sen
2. Nusaybah – Pahlawan wanita Islam	50 ,,
3. ‘Ikrimah ibn Abū Jahl	50 ,,
4. Sa‘ad ibn Rabī‘	50 ,,
5. Sa‘ad ibn Mu‘ādh	50 ,,
6. Nu‘mān ibn Muqran	50 ,,
7. Ja‘far ibn Abī Ṭālib	50 ,,
8. Anak ‘Abd Allāh ibn Ubay	50 ,,
9. Anak angkat Rasulullah	50 ,,
10. Abū Ḥudhayfah ibn ‘Utbah	50 ,,

Lain-lain Buku Tārīkh

Sejarah Ringkas Muḥammad (SAW) (Oleh ‘Idrūs)	\$1.20
Bilāl – (Oleh Abdullah Basmeh)	\$1.20
Muḥammad (SAW) (Oleh Abdullah Basmeh) Empat Penggal Sepenggal	\$1.20

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura.